

**Tunku Puteri Intan Safinaz imbau kenangan pertabalan ayahanda
Utusan Online
11 April, 2012**

KUALA LUMPUR 10 April - Ketika Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ditabalkan sebagai Yang di-Pertuan Agong kelima pada 1970, pada masa itu Datuk Seri Tunku Puteri Intan Safinaz Tuanku Abdul Halim baru berusia 5 tahun.

Berikutan faktor usia yang masih kanak-kanak, Tunku Puteri Intan Safinaz tidak dibenarkan ayahandanya untuk hadir pada majlis istiadat pertabalan tersebut.

Baginda sebaliknya sekadar melihat ayahanda dan bondanya ditabal sebagai Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong di kaca televisyen seperti masyarakat lain.

"Tetapi hari ini, semua nostalgia tersebut kembali bermain di fikiran, saya masih ingat ketika itu Tun Abdul Razak Datuk Hussein sebagai Perdana Menteri dan Timbalannya, Tun Dr. Ismail Datuk Abdul Rahman ada bersama.

"Bagaimanapun saya berharap majlis istiadat kali ini akan lebih bermakna dan menjadi hari bersejarah kerana Tuanku Abdul Halim akan ditabal untuk kali kedua," titah baginda kepada *Utusan Malaysia* di Istana Negara di sini hari ini.

Tunku Puteri Intan Safinaz turut melawat raptai majlis istiadat pertabalan yang akan berlangsung esok.

Baginda bertitah, persiapan diadakan kali ini juga berjalan lancar dan bakal melakar satu sejarah di Istana Negara yang baru itu.

"Saya berharap segalanya akan berjalan lancar sehingga tamat majlis istiadat kerana ia simbolik kepada sistem raja berperlembagaan.

"Majlis tersebut juga diharap memberi kenangan kepada tetamu yang hadir serta seluruh rakyat Malaysia," titah baginda.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0411&pub=Utusan Malaysia&sec=Dalam Negeri&pg=dn_18.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0411&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_18.htm)